

Usaha cegah pengaruh fahaman radikal akan disemak

Muis lahir keprihatinan tentang tiga kes baru, gesa masyarakat berwaspada

Oleh SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

MAJLIS Ugama Islam Singapura (Muis) amat prihatin mengenai kes tiga lelaki yang dipengaruhi fahaman radikal secara sendiri dan menggesa masyarakat agar sentiasa berwaspada.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam, Muis turut memberi jaminan ia akan terus menyemak segala usaha yang telah dijalankan bagi membendung kes serupa berulang.

Muis menyatakan ia amat mengambil berat mengenai kejadian individu terpengaruh oleh fahaman radikal menerusi Internet, video dan cakera padat (CD) audio yang menyebarkan ceramah seorang pendakwah militan asing.

Kes-kes itu menunjukkan ancaman seseorang menjadi radikal secara sendiri masih kekal secara global dan oleh itu pemimpin agama, masjid dan ibu bapa perlu sentiasa berwaspada, ujar Muis.

Ia menekankan juga bahawa penganasan tidak ada kaitan dengan ajaran Islam.

"Penganasan dan sikap militan tidak kena-mengena dengan ajaran Islam. Kita harus menghargai dan melindungi asas saling menghormati, keamanan dan harmoni yang teguh di negara kita yang berbilang bangsa dan agama.

"Muis amat berterima kasih atas sokongan yang diberi pemimpin agama di sini," kata Muis.

► Laporan lain 2

Ia juga menyatakan masyarakat Islam Singapura boleh melindungi kemaslahatan mereka dengan terus memanfaatkan bantuan yang disediakan bagi masyarakat, iaitu dengan mendapatkan dan memberi maklum balas mengenai asatizah, kelas agama dan penghantaran pelajar ke luar negara untuk pendidikan agama.

Ibu bapa dan golongan dewasa juga boleh menunjukkan keprihatinan mereka mengenai para belia dengan mengesan perubahan dalam sikap mereka dan memastikan mereka mendapatkan sumber bantuan dan bimbingan yang benar, terutama semasa dalam krisis peribadi.

"Muis akan terus menyemak usaha-usaha ini untuk memberikan yang lebih baik kepada masyarakat," ujar Muis.

Bagi memastikan masyarakat Islam setempat mendapat pendidikan agama betul oleh asatizah berke Layakan, Muis dengan kerjasama Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas) telah memberi pengiktirafan kepada 1,200 asatizah di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS).

Muis dan Pergas telah juga menasihati asatizah berbakat supaya meningkatkan diri agar layak diberi pengiktirafan. Muis akan terus bekerja rapat dengan Pergas bagi memastikan asatizah berbakat mendapat pengiktirafan dan dipupuk demi manfaat masyarakat.

Di samping itu, Muis menggesa masyarakat Islam supaya menyemak nama asatizah pada senarai asatizah di bawah ARS bagi memastikan mereka mendapatkan pelajaran agama daripada asatizah bertauliah.

Senarai itu, yang turut menyatakan pendidikan dan bidang pengkhususan seseorang ustaz atau ustazah, boleh didapati di laman web Muis di <http://www.muis.gov.sg/eServices/Asatizah/AsatizahList.aspx>.

Muis juga menasihati orang ramai supaya merujukkan sebarang individu yang menyokong fahaman militan atas nama Islam kepadanya agar mereka boleh dicegah di peringkat awal dan diberi kaunseling jika perlu.